

Headline	Komitmen GLC bangunkan usahawan bumiputera		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	513 cm ²	Journalist	SAFINA RAMLI
PR Value	RM 30,417		



Komitmen GLC bangunkan usahawan bumiputera



ORANG Melayu dan masyarakat pribumi lain sebagai kaum majoriti yang ketinggalan dalam banyak perkara ketika awal kemerdekaan telah mencatat banyak kemajuan hasil daripada penekanan kerajaan terhadap agenda bumiputera.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menekankan agenda bumiputera sebagai agenda nasional yang menyikasikan dasar-dasar berkaitan tidak pernah dikesampingkan walaupun dalam perjanjian perdagangan antarabangsa.

Sebab itu, selain jabatan dan agensi kerajaan, syarikat milik kerajaan (GLC) adalah antara entiti utama yang menterjemahkan komitmen kerajaan dalam menjayakan agenda murni ini.

Tidak dapat dinafikan, banyak GLC yang cukup komited menjayakan agenda ini, namun perkara tersebut masih menjadi perbincangan terutama dalam kalangan pemimpin politik.

Hakikatnya, GLC hanyalah menguasai kira-kira 10 peratus ekonomi negara, namun pergantungan besar diberikan kepimpinan politik dan rakyat terhadap syarikat-syarikat terlibat berikutan kemampuan GLC dalam menjayakan agenda murni kerajaan ini.

Buktinya, banyak kisah kejayaan dalam kalangan usahawan bumiputera hasil daripada program GLC dapat disaksikan malah ada di antara mereka bukan sahaja dapat bersaing di pasaran tempatan malah menembusi pasaran antarabangsa.

Namun kerana ada segelintir GLC yang dilihat kurang komitmen kepada agenda ini maka pentas perbahasan Perhimpunan Agung UMNO misalnya, digunakan bagi menyuarakan harapan rakyat dalam hal ini.

Sebab itu, ketika menggulung Perhimpunan Agung UMNO 2013, Najib sendiri mengumumkan

akan memantau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) semua GLC dalam komitmen mereka menjayakan agenda bumiputera.

Ini memandangkan, Perdana Menteri sendiri mahu agenda tersebut yang menjadi agenda nasional dijayakan dengan bersungguh-sungguh.

Dan salah satu daripada strategi utama dalam membantu usahawan bumiputera adalah melalui program pembangunan vendor GLC yang dilaksanakan sejak 30 tahun dulu.

Menerusi program ini, banyak syarikat bumiputera yang mampu berdaya saing pada masa ini menerusi bimbingan GLC.

Umum mengetahui, pada masa ini, antara GLC yang kehadapan dalam membangunkan usahawan bumiputera khususnya melalui program vendor ialah Petronas, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menerusi satu temu bual dengan *Utusan Malaysia*, TNB melalui Jabatan Perolehannya berkongsi strategi dan langkah-langkah bagi memperkasakan usahawan bumiputera agar mereka menjadi lebih berdaya saing.

Menurut Jabatan Perolehan TNB, syarikat utiliti negara itu telah melaksanakan program usahawan lebih 20 tahun yang lalu bagi menyokong aspirasi negara dalam Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera.

Setakat September 2015, nilai keseluruhan kontrak program vendor bumiputera berjumlah RM8.8 bilion dengan penglibatan hampir 1,000 usahawan bumiputera.

Dalam usaha untuk membangunkan usahawan bumiputera, Jabatan Perolehan TNB memberitahu, bermula 1994 program Pembangunan Usahawan (PPU) TNB diwujudkan untuk membolehkan usahawan TNB menghasilkan produk tempatan bagi menggantikan produk import.

“Pelantikan sebagai usahawan TNB ini dibuat kepada usahawan bumiputera kerana ingin melihat mereka juga mampu berkecimpung dalam bidang pembuatan,” jelas TNB.

Jabatan Perolehan TNB mem-

beritahu, syarikat itu turut menjalankan Program Pembangunan Vendor Bumiputera (PPVB) TNB yang di dalamnya terkandung beberapa program untuk menambah baik program vendor yang dijalankan.

Program PPVB TNB terdiri daripada Program Pembangunan Usahawan, Program Vendor/Pembekal Pilihan, Program Syarikat Panel dan Program Rakan Niaga Strategik.

“TNB mengenal pasti produk tertentu yang boleh diusahakan oleh pihak usahawan bumiputera (pengilang) apabila mereka bersetuju untuk membekalkan atau mengilang produk tertentu.

“TNB juga memberi keutamaan kepada usahawan yang mampu untuk menghasilkan produk tertentu untuk kegunaan TNB,” ujar TNB.

Selain itu, TNB juga telah menjadi tuan rumah kepada GLC Explorace 2014 yang merupakan sebuah platform bagi kementerian dan pelbagai GLC, institusi perbankan dan usahawan untuk berkongsi maklumat mengenai program, produk dan perkhidmatan serta membuka peluang perniagaan usahawan untuk meneroka pasaran baharu dengan GLC berkaitan.

Malah, TNB turut menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan antaranya Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), SIRIM, SME Corp dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi melatih dan membimbing vendor menjadi lebih kompetitif di peringkat domestik serta global.

“Usahawan-usahawan bumiputera juga telah melalui program khusus untuk menambah baik mutu perkhidmatan dan dilantik sebagai vendor TNB.

“Selain itu, TNB memberi peluang perniagaan kepada pengilang dan kontraktor bumiputera di mana penganugerahan kontrak dibuat secara merit bagi memupuk semangat persaingan yang kompetitif dalam kalangan pengilang dan kontraktor bumiputera.

“Kesan daripada kursus intensif yang dijalankan ini ialah hasrat TNB untuk melahirkan pengilang yang lebih berdaya saing dan

Headline	Komitmen GLC bangunkan usahawan bumiputera		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	513 cm ²	Journalist	SAFINA RAMLI
PR Value	RM 30,417		

produktif berjaya dihasilkan.

“Kualiti yang ada pada pengi- lang dapat ditingkatkan dan mutu perkhidmatan TNB juga be- rada pada tahap yang membang- gakan,” kata TNB.

Jabatan Perolehan TNB mem- beritahu, kursus dan latihan yang dijalankan itu mampu menghasil- kan lebih banyak vendor bumi- putera terutamanya dalam sektor tenaga yang lebih berdikari.

Usaha-usaha TNB ini menyak- sikan banyak syarikat bumiputera berada dalam senarai syarikat berjaya malah ada yang telah pun memperluaskan pasaran mereka ke peringkat serantau dan antara- bangsa.

Ini adalah antara bukti bagai- mana menerusi program bimb- ingan yang tepat, syarikat bumi- putera juga mampu berjaya termasuk dalam bidang-bidang yang agak asing buat mereka.

Sehubungan itu, pada masa sama, setiap daripada pemimpin politik harus sedar bahawa selain

GLC, yang perlu diberi perhatian adalah komitmen sektor swasta kepada agenda bumiputera kera- na mereka juga perlu mencontohi GLC.



KOMITMEN TNB kepada agenda bumiputera seharusnya dicontohi oleh syarikat swasta. - GAMBAR HIASAN IHSAN TNB